



18 FEB, 2023

Peniaga harap wujud sistem sokongan pastikan inisiatif kekal

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Peniaga harap wujud sistem sokongan pastikan inisiatif kekal

Kuala Lumpur: Persatuan peniaga berharap kerajaan dapat tampil dengan sistem sokongan yang kuat untuk memastikan pelaksanaan inisiatif Menu Rahmah bertahan lama dan berterusan, bukan sekadar 'hangat-hangat tahi ayam'.

Presiden Persatuan Usahawan Food Truck Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (KLFTEA), Muhammad Azlan Abas, berkata susulan kenaikan harga barangan ketika ini, sistem sokongan yang kuat seperti kerjasama menyeluruh pelbagai agensi diperlukan dalam membantu peniaga atau penjaja.

"Contohnya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) atau koperasi boleh bekerjasama dengan mana-mana persatuan terbabit untuk pukalkan harga barangan.

"Mungkin dengan kaedah ini, inisiatif Menu Rahmah ada kesinambungannya," katanya.

Katanya, ramai peniaga dan penjaja menyokong inisiatif kerajaan itu kerana ia memberi manfaat kepada rakyat, namun pelaksanaannya perlu disusuli dengan ekosistem yang lengkap agar perniagaan terus berjaya.

"Menu dah cantik, boleh buat, namun jika lokasi perniagaan tidak strategik, susah juga," katanya sambil menambah sebelum ini, peniaga kendera saji pernah melaksanakan program Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M) pada era pentadbiran Datuk Seri Najib Razak sekitar 2011.

Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Malaysia, Datuk Seri Rosli Sulaiman, berkata walaupun peniaga dan penjaja berjiwa murni untuk membantu golongan memerlukan seperti disarankan kerajaan, mereka perlu juga memikirkan soal keuntungan dan kelangsungan hidup.

"Lebih-lebih lagi dalam situasi sekarang dengan barang mentah dibekalkan kepada peniaga atau penjaja mengalami kenaikan hingga 100 peratus.

"Kita lihat sayur contohnya, tomato 200 gram dengan harga RM2, harga naik melonjak, jadi bagaimana kita nak kekalkan Menu Rahmah ini," katanya.

Menu Rahmah yang dilancarkan pada 31 Januari lalu adalah hidangan tengah hari atau makan malam yang seimbang seperti nasi, satu pilihan protein sama ada ayam atau ikan dan sayuran dengan tawaran harga RM5 dan ke bawah.

Inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk menangani kenaikan kos sara hidup itu boleh didapati di lebih 15,000 kedai makan dan restoran di seluruh negara.

BERNAMA



18 FEB, 2023

Peniaga harap wujud sistem sokongan pastikan inisiatif kekal

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Persatuan peniaga berharap kerajaan dapat tampil dengan sistem sokongan yang kuat untuk memastikan pelaksanaan inisiatif Menu Rahmah bertahan lama dan berterusan, bukan sekadar 'hangat-hangat tahi ayam'. Presiden Persatuan Usahawan Food Truck Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (KLFTEA), Muhammad Azlan Abas, berkata susulan kenaikan harga barangan ketika ini, sistem sokongan yang kuat seperti kerjasama menyeluruh pelbagai agensi diperlukan dalam membantu peniaga atau penjaja.